

# Misi, visi penting pelaksanaan PPPM

» **Inisiatif  
Kementerian  
lahir generasi  
berilmu,  
berkualiti**

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

**K**ementerian Pendidikan melangkah ke tahun baru 2014 esok berbekalkan satu agenda penting bagi seluruh warga dan institusi pembelajaran bagi 13 tahun akan datang menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM).

Selepas melalui proses pengubalan yang komprehensif dan dilancarkan pada 11 September 2013, PPPM menjadi alat penting untuk dilaksanakan di semua peringkat dalam Kementerian Pendidikan, bermula daripada pengurusan tertinggi Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pelajar, ibu bapa dan pihak berkepentingan.

Penggenhangan tenaga semua pihak itu mempunyai satu matlamat asas iaitu menghasilkan modal insan yang berkualiti serta memiliki kemahiran, berfikir aras tinggi (KBAT) menjelang 2025 sekali gus meletakkan negara dalam kelompok seperti teratas dalam sistem pendidikan terbaik dunia pada akhir tempoh PPPM.

PPPM berbeza daripada pelan pendidikan terdahulu kerana ia menyeluruh sama ada di peringkat pengubalan, pelaksanaan dan matlamatnya.

Kajian menyeluruh Pada peringkat pengubalan, PPPM membabitkan kajian diagnostik keseluruhan sistem pendidikan negara berdasarkan kajian Bank Dunia universiti tempatan dan pentaksiran antarabangsa Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan Program Pentaksiran Murid Antarabangsa (PISA).

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Khair Mohamad Yusof, berkata Kementerian berpegang kepada visi pendidikan sedia ada dan yang penting adalah bagaimana melaksanakan misi untuk mencapai visi berkenaan.

Katanya, dalam usaha menekankan pelaksanaan mantap bagi inisiatif dan program yang digariskan di bawah PPPM, Kementerian akan menumpukan kepada tiga perkara utama iaitu pemantauan rapi, pengawalan di peringkat kepemimpinan dan memastikan pencapaian inisiatif sejajar dengan sasaran pelan terabit.

Kali terakhir kajian sistem pendidikan dilakukan ialah lebih 30 tahun lalu ketika penghasilan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979.

"PPPM dihasilkan menerusi input daripada masyarakat umum melalui Dialog Nasional Pendidikan Negara, sesi meja bulat, serta daripada media cetak, sosial dan elektronik.

"Input yang diperoleh diteliti sementara bidang kritikal pendidikan pula dibincangkan dalam sembilan makmal pendidikan," katanya.

Pelaksanaan PPPM pula dinyatakan secara jelas menerusi tiga gelombang bermula 2013 hingga 2025.

Pada peringkat Kementerian, pelan tindakan itu diterjemahkan dalam bentuk 100 inisiatif yang perlu dilaksanakan dalam tiga gelombang itu iaitu Gelombang 1: 2013-2015, Gelombang 2: 2016-2020 dan Gelombang 3: 2021-2025.

Tingkat mutu pendidikan

"Bagi memastikan semua pihak mempunyai hala tuju yang sama, pada 5 Disember lalu, Kementerian melancarkan 1Agenda KPM di mana warga Kementerian berikrar memastikan matlamat untuk mengajak kedudukan negara kepada kelompok seperti teratas dalam pentaksiran antarabangsa supaya berada bersama-sama negara yang mempunyai sistem pendidikan terbaik dunia dapat dicapai," katanya.

Daripada 100 inisiatif itu, 25 daripadanya telah dikenal pasti untuk diberi keutamaan dalam pelaksanaan Gelombang 1.

Seratus inisiatif telah dikenal

pasti itu diselarasakan mengikut lima aspirasi sistem - akses, kualiti, equiti, perpaduan dan kecakapan serta dihalakan terhadap enam aspirasi murid - pengetahuan, kemahiran berfikir, nilai dan kerohanian, kemahiran memimpin, profisiensi dwibahasa serta identiti nasional.

Selain pendidikan arus perdana, pendidikan berkualiti dan kesamarataan peluang pendidikan juga diterjemahkan menerusi sekolah kluster kecemerlangan, sekolah amanah, sekolah berasrama penuh, kolej vokasional, pendidikan khas dan pendidikan inklusif, kurikulum khas Orang Asli, sekolah sukan dan sekolah seni.

Jaksana program Jhusus

Selain itu, katanya, Kementerian juga telah menjalankan program khusus seperti program pintar cerdas untuk murid-murid yang dikenal pasti sebagai 'gifted', Sekolah Dalam Hospital untuk membolehkan kanak-kanak yang tidak berupaya ke sekolah turut boleh belajar, Sekolah Integriti bagi pesalah juvana dan Sekolah Bimbingan Jalanan Kasih di Kuala Lumpur bagi anak-anak gelandangan.

"Bagi pelajar miskin telah diwujudkan tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan mereka yang cemerlang diberi keutamaan untuk memasuki Sekolah Berasrama Penuh, jadi tidak timbul soal keciciran kerana peluang pendidikan terbuka luas untuk setiap murid," katanya.

Kementerian turut melaksanakan program Sekolah Dalam Hospital dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan jumlahnya

akan ditambah tahun ini.

Diwujudkan juga Sekolah Bimbingan Jalanan Kasih di Kuala Lumpur bertujuan menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak jalanan dan memastikan kadar keciciran berkurangan, peluang kerjaya dan memberi pengetahuan dan kemahiran.

Dukti kerajaan serius

Bagi memberi akses pendidikan untuk semua, Sekolah Model Khas R9 diwujudkan untuk pendidikan murid Orang Asli dan pedalaman menerusi pendidikan wajib Sembilan tahun seperti di Sekolah Kebangsaan Bertau Lipis RPS, Pahang dan Sekolah Raja Perempuan Bainun di Grik, Perak.

Menerusi kerjasama dengan Yayasan Amur, Kementerian melaksanakan inisiatif Sekolah Amanah.

Pada tahun pertama pelaksanaan PPPM, Kementerian mengumuhkan enam pencapaian dalam tempoh 100 hari pelaksanaan iaitu pelancaran 1Agenda KPM, penubuhan Unit Penyampaian PPPM (PADU), pengujian dan latihan peningkatan tahap profisiensi guru Bahasa Inggeris, rintis Program Transformasi Daerah di Kedah dan Sabah, pelancaran sarana ibu bapa dan sekolah dan pelancaran e-Guru.

Khair berkata, inisiatif itu dilakukan supaya rakyat mengetahui dan yakin bahawa Kementerian serius dan komited kepada usaha transformasi sistem pendidikan yang mana laporan tahunan PPPM berikutnya akan dihasilkan dalam suku pertama 2014.



**“ Dalam usaha menekankan pelaksanaan mantap bagi inisiatif dan program yang digariskan di bawah PPPM, Kementerian akan menumpukan kepada tiga perkara utama iaitu pemantauan rapi, pengawalan pada kepemimpinan dan memastikan pencapaian inisiatif sejajar dengan sasaran pelan terabit ”**

Dr Khair Mohamad Yusof,  
Ketua Pengarah Pelajaran



PPPM diumumkan melalui majlis melancarkan matlamat insana berkualiti tinggi dan pemantauan rapi dan pengawalan negara dalam kelompok seperti teratas di tahun baru 2014.